



Ruj. Kami : M QA.100-1/7/2 Jld. 4 ( 5 )

Tarikh : 18 Mei 2021

**KEPADА SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)**

Tuan/Puan,



DZULKIFLI ABDUL RAZAK, Rector  
Prof. Emeritus Tan Sri Dato'  
International Islamic University Malaysia

**SURAT MAKLUMAN M QA BIL. 7/2021**

**PENAMBAHBAIKAN PINDAH KREDIT MASSIVE OPEN ONLINE COURSES (MOOC) DENGAN GRED**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti tuan/puan sedia maklum, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, M QA) telah membangunkan Garis Panduan Pindah Kredit Massive Open Online Courses [Guidelines on Credit Transfer for Massive Open Online Courses (MOOC)] pada tahun 2016 yang dimaklumkan kepada umum melalui Pekeliling M QA Bil. 5/2016 bertarikh 27 September 2016.
3. M QA telah mempertimbangkan cadangan pihak berkepentingan untuk mengkaji semula pindah kredit MOOC dengan mengambil kira gred pencapaian pelajar bagi MOOC yang telah diikuti dalam pengiraan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) sebagai mengiktiraf kualiti hasil pembelajaran yang telah dicapai oleh pelajar.
4. Justeru, pindah kredit MOOC dengan gred boleh dilaksanakan mengambil kira pelajar telah memenuhi hasil pembelajaran kursus yang ditetapkan berdasarkan perkara-perkara berikut:

- i) Pelajar memenuhi kriteria semasa pindah kredit dengan gred, syarat-syarat pindah kredit MOOC (kecuali pindah kredit tanpa gred) serta kriteria-kriteria lain yang dinyatakan dalam garis panduan; dan
- ii) Pelajar mencapai gred lulus minimum iaitu Gred C dalam MOOC yang diikuti selaras dengan ketetapan dalam Syarat Umum Pindah Kredit.

5. Pelaksanaan terhadap penambahbaikan pindah kredit MOOC ini berkuat kuasa mulai **15 Mei 2021**.


6. PPT dimohon mengambil perhatian yang sewajarnya bagi memastikan penilaian pindah kredit MOOC dilaksanakan dengan teratur dan memenuhi aspek jaminan kualiti yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**PROF. DATO' DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)**